

10 MAY 1999

Mahathir-Buku

KEYAKINAN DIRI RAKYAT MALAYSIA, KEJAYAAN TERBESAR MAHATHIR

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 10 Mei (Bernama) -- Keyakinan diri rakyat Malaysia ialah kejayaan terbesar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menurut seorang penulis dan penganalisis antarabangsa Australia Michael Backman.

Dalam buku terbarunya "Asian Eclipse" yang dikeluarkan minggu lalu di Canberra, Backman berkata dalam kebanyakan aspek, Malaysia ialah sebuah negara yang telah membangun dengan pesat.

"Infrastruktur awamnya mencapai standard yang tinggi. Negara itu mempunyai rangkaian lebuh raya tol yang bertaraf tinggi dan ke mana sahaja pergi, anda boleh minum air terus dari paip."

Satu-satunya negara di Asia Tenggara yang boleh mendakwa mempunyai kemudahan seperti ini ialah Singapura -- tetapi itupun kebanyakan bekalan airnya disalurkan melalui paip dari Malaysia.

"Kedudukan dan pencapaian Malaysia sekarang ialah hasil kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," menurut penulis itu.

Backman, yang baru-baru ini menulis artikel bagi "Australian Financial Review" dengan memuji kepimpinan berani Dr Mahathir menyatakan: "Ada satu perkara di Malaysia yang lebih penting daripada lebuh raya kelas satu dan air minum yang selamat iaitu keyakinan kepada diri sendiri.

"Ini merupakan pencapaian terbesar Mahathir -- beliau memberi semangat kepada rakyat Malaysia terutama masyarakat Melayu untuk yakin kepada diri sendiri.

"Atas sebab inilah, Dr Mahathir mungkin boleh dianggap sebagai seorang pemimpin agung di Asia."

Backman berkata kritikan Dr Mahathir yang tidak berhenti-henti ke atas Barat dan "kecaman hebatnya" ke atas pedagang matawang George Soros yang menurut Dr Mahathir menjadi punca krisis ekonomi di Asia lebih mudah dimaafkan jika mengambil kira tujuannya -- "percubaan untuk mengalihkan perhatian rakyat Malaysia daripada perbezaan etnik dan budaya supaya mereka dapat bersatu menentang musuh bersama".

Backman, yang pernah berkhidmat sebagai diplomat Australia di Jakarta berkata, reaksi Indonesia kepada krisis itu ialah menyalahkan pihak lain dan akibatnya berlaku rusuhan yang berlaruta selama berbulan-bulan di republik itu dengan masyarakat etnik Cina menjadi mangsa.

"Dr Mahathir sebenarnya harus dinilai daripada apa yang telah dilakukannya daripada apa yang dikatakannya dan kejayaan terbesar beliau ialah pencapaian Malaysia sekarang," menurut Backman.

Backman, yang telahpun mendapat pujian kerana "Asian Eclipse", kagum dengan barisan menteri Dr Mahathir.

"Kabinet Malaysia dianggotai oleh mereka yang berpandangan jauh.

"Sepanjang tempoh Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri, ada beberapa menteri yang boleh mengambil alih daripada beliau dan negara masih di bawah kepimpinan yang bertanggungjawab."

-- BERNAMA

NDC RYN FAZ